

PRAKTIS 5

Dalam petikan di bawah, terdapat **empat kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kakak menjahit adik beberapa pasang baju untuk hari lahirnya yang akan disambut tidak lama lagi. Cantik-cantik belaka baju-baju yang dijahit oleh kakak. Baju-baju yang kakak jahit untuk pelanggannya sentiasa mendapat pujian. Kakak juga amat meminati bidang seni reka fesyen. Kakak telah turut mencipta pelbagai jenis fesyen-fesyen baju kurung.

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____
 (iv) _____

❖ Kesalahan Ejaan**PRAKTIS 1**

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Majalah akademik itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada murid-murid sekolah kerana diterbitkan dalam dwi bahasa.

- (ii) Kakak telah membeli beberapa buah buku resepi bagi menyediakan hidangan istimewa untuk tetamu menjelang sambutan hari lahirnya.

- (iii) Semua perabot yang telah dihantar oleh Kementerian Pendidikan akan disimpan di dalam setor sekolah untuk sementara waktu.

PRAKTIS 2

Dalam petikan dialog di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Cikgu Razali: Kerja sama antara semua pemain perlu ada untuk meraih kemenangan dalam sesuatu pertandingan.

Sidek : Betul, cikgu. Semua pemain harus efisien dan tahu akan peranan masing-masing.

Ramesh : Saya setuju dengan Cikgu Razali dan Sidek. Kita harus mempunyai disiplin diri yang tinggi agar mampu bersaing dan memenangi semua pertandingan yang kita sertai.

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____